



Kuala Lumpur

Kaji terperinci sebelum laksana

Kajian yang menyeluruh dan terperinci perlu dilaksanakan sebelum projek kereta nasional baru dibuat dalam usaha memastikan keputusan itu tidak merugikan negara serta membebaskan rakyat.

Pensyarah Kanan Putra Business School (PBS), Dr Ahmed Razman Abdul Latiff berkata, walaupun ia masih terlalu awal membuat kesimpulan, perancangan yang dinyatakan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad itu dilihat sebagai langkah jangka masa panjang negara.

“Rancangan (memulakan syarikat kereta nasional) baru ini dijangka tidak akan mengambil model perniagaan seperti Proton, sebaliknya akan menyasarkan pasaran global dan serantau.

“Sebelum ini, kegagalan Proton adalah kerana ia hanya menumpukan pasaran tempatan yang kecil dan ini tidak memungkinkan ekonomi negara,” katanya.

Beliau berkata, meskipun pembangunan pengangkutan awam seperti Transit Aliran Massa (MRT) dan Transit Aliran

Ringan (LRT) merencanakan ekonomi negara, pemilikan kereta masih perlu di Malaysia.

“Rancangan ini dilihat memberi penekanan kepada menghasilkan pekerja berkemahiran tinggi dalam kalangan warga tempatan, malah selain memberi tumpuan kepada pasaran lebih besar, fokus beliau dilihat ke arah menghasilkan teknologi permotoran seperti enjin dan komponen buatan tempatan.

“Bagaimanapun, semua keputusan perlu dibuat kajian dengan teliti merangkumi manfaat jangka masa panjang, keperluan semasa, kekukuhan ekonomi dan manfaat kepada rakyat secara amnya,” katanya.

Sementara itu, Penganalisis Automotif dan Pengarang Portal Pemotoran mekanika.com.my, Irwan Asri Mohd Nor berkata, hasrat kerajaan untuk

memulakan projek kereta nasional baru sesuatu yang tidak relevan ketika ini memandangkan sukar jenama baru menembusi pasaran baru dan sedia ada dalam suasana industri itu sudah mencapai tahap tepu.



Dr. Ahmed Razman